

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Majalah namakan Dr M 'Tokoh 1982'

KUALA LUMPUR, Selasa — Sebuah majalah bulanan bahasa Cina keluaran tempatan memakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai 'Tokoh 1982'.

Glasshouse, majalah perniagaan yang mendakwa mempunyai edaran 15,000 naskhah sehingga September lalu, dalam rencana utamanya menganalisa kesan-kesan dasar dan langkah pentadbiran Mahathir dalam tempoh setahun.

Keluaran terbaru majalah itu juga memuatkan latarbelakang Datuk Seri Dr Mahathir dan beberapa petikan dari bukunya "The Malay Dilemma".

Datuk Seri Dr Mahathir, menurut majalah itu, telah membawa gaya baru politik dan tekad dan haluan baru bagi negara.

Majalah itu mensifatkan Perdana Menteri sebagai seorang yang berterus terang dan berfikiran intelektual yang telah menunjukkan keupayaan untuk membawa pembaharuan dan perubahan dalam menguruskan sebuah negara berbilang kaum.

Datuk Seri Dr Mahathir juga disifatkan sebagai daya penggerak perubahan.

Langkah-langkah yang diambil oleh pentadbirannya adalah pembaharuan konsep dan kadangkala menimbulkan perubahan.

Menurut rencana itu, cogan bersih, cekap dan amanah telah mendapat sokongan ramai.

"Beliau telah berulang kali memberitahu apa yang pentadbirannya kehendaki dan beliau mahukan satu semangat dan keazaman baru dalam usaha membangunkan sebuah negara bermaruah dan bersempadan," menurut rencana itu.

Sebagai seorang yang menghargai waktu, Perdana Menteri tidak membuang masa dan telah memperkenalkan sistem kad perakam waktu dalam perkhidmatan kerajaan.

Menurut majalah itu, rasuah adalah tojuk yang sering diperkatakan oleh orang ramai dan Datuk Seri Dr Mahathir nyata sekali tidak memaafkan kegiatan rasuah.

Pentadbiran Mahathir juga telah mengambil sikap yang lebih terbuka terhadap akhbar.

Dalam bidang antarabangsa pula, Datuk Seri Dr Mahathir terkenal sebagai seorang yang berterus terang, terutamanya ketika beliau mengkritik pertubuhan Komanwel.

"Beliau mungkin tidak digemari di kalangan beberapa negara Barat tetapi beliau tetap tegas dengan pendiriannya," kata majalah itu.

Glasshouse, yang mengikut format majalah Time, mulai diterbitkan tidak sampai setahun. Penerbit dan ketua pengarangnya ialah Dr T.P. Chia, seorang ahli sains politik lulusan Amerika Syarikat. — Bernama.



■ DATUK SERI DR MAHATHIR